

# Sokong hingga apartheid musnah: PM

BH - 3 NOV 1990

**P**  
KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia akan meneruskan sokongan kepada perjuangan kebangsaan kulit hitam Afrika Selatan sehingga dasar apartheid di negara itu dihapuskan sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan terus memainkan fungsinya menentang apartheid dalam setiap forum antarabangsa sama ada menerusi Komanwel atau Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurutnya, Malaysia juga akan meminta negara-negara lain supaya turut melakukan usaha mereka seberapa yang boleh supaya Kerajaan Afrika Selatan menamatkan dasar berkenaan.

"Kita sedar ada yang mengangap apa yang dilakukan terhadap Afrika Selatan sekarang sudah mencukupi dan kerana itu, sekatan ekonomi serta perdagangan sudah boleh dihapuskan.

"Walaupun sikap kerajaan negara itu sudah berubah berikutan pelbagai tekanan dunia, kita berpendapat ia belum mencukupi dan seka-

tan mesti diteruskan sehingga semua rakyat berwarna di Afrika Selatan bebas," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan demikian sewaktu berucap di perhimpunan raksasa bagi meraikan lawatan rasmi pejuang kebangsaan kulit hitam Afrika Selatan, Dr Nelson Mandela, di Stadium Negara petang ini.

Sambil mengakui masih banyak rintangan yang perlu ditempuh bagi mengatasi masalah di Afrika Selatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ada persamaan antara Malaysia dan Afrika Selatan, terutama di segi kepelbagaian kaum.

"Bagaimanapun di Malaysia, walaupun ada perbezaan pendapat di antara kaum, sejak merdeka rakyat negara ini hidup dalam keadaan aman dan makmur kecuali pada 1969.

"Kesan daripada keadaan itu, rakyat negara ini mempunyai taraf hidup yang tinggi. Keadaan yang sama boleh wujud di Afrika Selatan jika sistem apartheid di

negara itu dihapuskan.

Perdana Menteri berkata, matlamat itu boleh dicapai kerana Dr Mandela bukanlah pejuang perkauman atau pemimpin yang mahu menghapuskan kerajaan kulit putih di Afrika Selatan tetapi mahu mencapai matlamat persamaan taraf rakyat di negara itu.

"Walaupun pelbagai tekanan dikenakan termasuk dipenjara 27 tahun, semangatnya tidak luntur selepas dibebaskan. Beliau tetap yakin dengan kepercayaannya bahawa rakyat pelbagai warna kulit di negara itu perlu dilayan secara adil.

"Beliau bukannya anti-orang kulit putih tetapi seorang pemimpin yang percaya bahawa orang kulit putih boleh tinggal bersama secara aman dengan orang kulit hitam, coklat atau kuning," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia menyokong perjuangan rakyat kulit hitam Afrika Selatan kerana demokrasi hanya boleh diwujudkan di negara itu apabila semua rakyatnya diberi layanan yang adil.